

01 AUG 1996

Anwar - Multimedia

UNDANG-UNDANG BARU PERLU UNTUK IT

KUALA LUMPUR, 1 Ogos (Bernama) -- Undang-undang lama perlu dimansuhkan dan undang-undang baru digubal bagi melaksanakan teknologi maklumat secara intensif dalam pembentukan Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC), kata Timbalan Perdana Menteri.

Anwar, yang mempengerusikan sesi perbincangan pada persidangan dan pameran Multimedia Asia '96 di sini berkata, beliau bersetuju dengan saranan ahli-ahli panel bahawa undang-undang perlu disemak semula untuk disesuaikan dengan era multimedia.

Multimedia Asia '96 yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertujuan mendapatkan maklumat balas daripada pakar dan pengendali utama multimedia berhubung pembentukan MSC.

MSC merangkumi kawasan seluas 15 km lebar dan 50 km panjang meliputi Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang (KLIA), pusat pentadbiran baru kerajaan dan bandar raya IT di Putrajaya.

Menurut Anwar, penyemakan semula undang-undang lama semata-mata bermakna garis panduan dan rangka kerja perundangan semuanya perlu diselaraskan dan ini akan menimbulkan banyak kerja daripada segi prosedur perundangan.

Seorang anggota panel, penasihat kanan Pusat Kajian Strategi dan Antarabangsa Amerika Syarikat, Diana Dougan, berkata undang-undang mengenai teknologi maklumat berhubung MSC seharusnya menjadi mudah dan tidak terlalu menyekat.

Seorang lagi anggota panel, perunding teknologi maklumat Dr Kenichi Ohmae, dari Ohmae and Associates Japan berkata bahawa di Jepun terdapat undang-undang yang terlalu menyekat hingga menjejaskan perkembangan meluas multimedia di negara itu.

Sebagai contoh, kata beliau, ahli-ahli lembaga sesuatu syarikat disyaratkan berada dalam bilik yang sama untuk mengundi.

"Ini bermakna, pengundian dan mesyuarat lembaga menerusi persidangan video tidak dapat dilakukan seperti yang diamalkan di Amerika Syarikat," katanya.

Satu lagi contoh ialah perjanjian mengikat kontrak di Jepun perlu ditulis menggunakan dakwat merah, yang bermakna ia tidak dapat dihantar menerusi mesin faks, kata Ohmae.

Seorang lagi ahli panel, Ray Lane, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Oracle Corporation, berkata walaupun undang-undang baru diperlukan tetapi untuk meluluskannya merupakan satu proses yang panjang.

Ahli-ahli panel juga berpendapat bahawa satu lagi faktor penting menjayakan MSC ialah mengubah tumpuan dalam sistem pendidikan.

Ohmae berkata matlamat pendidikan dalam era IT ialah bukan lagi "belajar menjawab tetapi belajar bagaimana untuk belajar."

Anwar pula berkata ibu bapa dan pihak sekolah perlu menyemai nilai-nilai baik di kalangan kanak-kanak agar mereka dapat memilih maklumat yang betul.

Bill Gates, pengasas Microsoft Corporation yang dijadual muncul menerusi persidangan televideo, tidak dapat berbuat demikian akibat masalah teknikal. -- BERNAMA

NI MAI